



2 November 2015  
2 November 2015  
P.U. (A) 257

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI  
(PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI) 2015

*GEOLOGISTS (REGISTRATION OF GEOLOGISTS)  
REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA AHLI GEOLOGI 2008

PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI) 2015

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN

2. Permohonan untuk pendaftaran
3. Perakuan pendaftaran
4. Kemasukan semula

BAHAGIAN III

HAK UNTUK DIDAFTARKAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI PROFESIONAL BERDAFTAR

5. Pengalaman amali
6. Peperiksaan penilaian profesional

BAHAGIAN IV  
TATAKELAKUAN PROFESIONAL

7. Kelakuan ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar
8. Reputasi
9. Amalan persendirian

BAHAGIAN V  
PELBAGAI

Peraturan

10. Daftar kelayakan setara
11. Pembayaran fi

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA AHLI GEOLOGI 2008

PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 50 Akta Ahli Geologi 2008 [*Akta 689*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015**.

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN

**Permohonan untuk pendaftaran**

2. (1) Permohonan untuk pendaftaran—
  - (a) sebagai ahli geologi siswazah berdaftar di bawah subseksyen 20(1) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berserta dengan fi pemprosesan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
  - (b) sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(a) dan (b) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berserta dengan fi pemprosesan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
  - (c) sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(c) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam

borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berserta dengan fi pemprosesan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

(d) sebagai pengamal berdaftar di bawah subseksyen 21(3) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berserta dengan fi pemprosesan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; dan

(e) sebagai ahli geologi asing berdaftar di bawah subseksyen 22(1) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berserta dengan fi pemprosesan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Jika Lembaga atau Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan, meluluskan permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) pemohon hendaklah, dalam masa dua bulan dari tarikh pemberitahuan kelulusan itu secara bertulis, membayar fi pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Jika pemohon gagal membayar fi pendaftaran dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (2), permohonan itu hendaklah dianggap telah ditarik balik tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat permohonan baharu.

### **Perakuan pendaftaran**

3. (1) Perakuan pendaftaran—

(a) sebagai ahli geologi siswazah berdaftar;

(b) sebagai ahli geologi profesional berdaftar;

(c) sebagai pengamal berdaftar; atau

(d) sebagai ahli geologi asing berdaftar,

adalah sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga.

(2) Apa-apa permohonan untuk memperbaharui perakuan pendaftaran yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berserta dengan fi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

#### **Kemasukan semula**

4. (1) Pemberitahuan kemasukan semula di bawah subseksyen 35(2) Akta hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berserta dengan fi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan kemasukan semula di bawah subseksyen 35(3) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Permohonan kemasukan semula di bawah subseksyen 35(4) Akta hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(4) Jika Lembaga meluluskan permohonan kemasukan semula di bawah subseksyen 35(3) dan (4) Akta, pemohon hendaklah membayar fi kemasukan semula yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(5) Perakuan pendaftaran dengan nombor siri yang berlainan daripada nombor siri yang diberikan sebelumnya hendaklah dikeluarkan kepada ahli geologi siswazah berdaftar, ahli geologi profesional berdaftar, pengamal berdaftar atau ahli geologi asing berdaftar yang dimasukkan semula menurut seksyen 35 Akta.

## BAHAGIAN III

## HAK UNTUK DIDAFTARKAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI PROFESIONAL BERDAFTAR

**Pengalaman amali**

5. Seorang ahli geologi siswazah berdaftar hendaklah, supaya berhak untuk memohon untuk pendaftaran sebagai ahli geologi profesional berdaftar, memperoleh pengalaman amali yang disebut dalam subseksyen 20(2) Akta.

**Peperiksaan penilaian profesional**

6. Seorang ahli geologi siswazah berdaftar yang mempunyai pengalaman amali yang disebut dalam peraturan 5 hendaklah, bagi memohon untuk didaftarkan sebagai ahli geologi profesional berdaftar, mengemukakan permohonannya kepada Lembaga untuk menduduki peperiksaan penilaian profesional menurut subseksyen 20(2) Akta dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama berserta dengan fi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

## BAHAGIAN IV

## TATALAKU PROFESIONAL

**Kelakuan ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar**

7. Tiap-tiap ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar hendaklah—

(a) mempertahankan martabat, kedudukan tinggi dan reputasi tinggi profesionnya; dan

(b) dalam melaksanakan tanggungjawabnya, memberi sepenuh perhatian kepada kepentingan awam dan melaksanakan tanggungjawab itu dengan penuh kesetiaan.

**Reputasi**

8. Seorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar tidak boleh, dengan sengaja dan dengan niat jahat sama ada secara langsung atau tidak langsung, mencemarkan atau cuba mencemarkan reputasi profesional, prospek atau urusan ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang lain.

**Amalan persendirian**

9. Seorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar dalam amalan persendirian tidak boleh—

- (a) mengamalkan bidang geologi dengan mana-mana ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang digantung pendaftarannya menurut seksyen 33 Akta;
- (b) mengambil tempat atau cuba untuk mengambil tempat ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang lain dalam amalan persendirian;
- (c) campur tangan atau cuba untuk campur tangan dengan apa-apa jenis kerja geologi yang telah diamanahkan kepada ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang lain dalam amalan persendirian; atau
- (d) mengambil alih apa-apa kerja ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang lain dalam amalan persendirian yang bertindak bagi pelanggan yang sama melainkan jika persetujuan daripada ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang lain itu telah diperoleh.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

**Daftar kelayakan setara**

10. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar kelayakan setara yang mengandungi senarai kelayakan yang dianggap setara oleh Lembaga dengan ijazah geologi menurut perenggan 20(3)(c) Akta.

(2) Lembaga boleh, atas budi bicaranya, menjemput Institut Geologi Malaysia—

- (a) untuk menjalankan kajian berhubung dengan kelayakan setara bagi pihaknya; dan

- (b) untuk membuat syor kepada Lembaga, berdasarkan kajian yang dijalankan di bawah perenggan (a), mengenai kesetaraan kelayakan itu.

### **Pembayaran fi**

11. Fi yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar kepada Lembaga mengikut cara seperti yang berikut:

- (a) secara tunai di pejabat berdaftar Lembaga;
- (b) melalui kiriman wang, draf bank atau cek atas nama Lembaga; atau
- (c) secara atas talian.

JADUAL PERTAMA  
BORANG PERMOHONAN

<b>No.</b>	<b>Borang</b>	<b>Perihal</b>	<b>Peraturan</b>
1.	Borang A	Permohonan untuk pendaftaran sebagai ahli geologi siswazah berdaftar.	Perenggan 2(1)(a)
2.	Borang B	Permohonan untuk pendaftaran sebagai ahli geologi profesional berdaftar.	Perenggan 2(1)(b)
3.	Borang C	Permohonan untuk pendaftaran sebagai ahli geologi profesional berdaftar.	Perenggan 2(1)(c)
4.	Borang D	Permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar.	Perenggan 2(1)(d)
5.	Borang E	Permohonan untuk pendaftaran sebagai ahli geologi asing berdaftar.	Perenggan 2(1)(e)
6.	Borang F	Permohonan pembaharuan perakuan pendaftaran.	Subperaturan 3(2)
7.	Borang G	Pemberitahuan kemasukan semula.	Subperaturan 4(1)
8.	Borang H	Permohonan kemasukan semula.	Subperaturan 4(2)
9.	Borang I	Permohonan kemasukan semula.	Subperaturan 4(3)
10.	Borang J	Permohonan menduduki peperiksaan penilaian professional.	Peraturan 6

## JADUAL KEDUA

## FI

No.	Perihal	Peraturan	Fi (RM)
1.	Fi pemprosesan untuk tiap-tiap permohonan pendaftaran	Subperaturan 2(1)	50.00
2.	Fi pendaftaran— <i>(a)</i> sebagai ahli geologi siswazah berdaftar di bawah subseksyen 20(1) Akta <i>(b)</i> sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(a) Akta <i>(c)</i> sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(b) Akta <i>(d)</i> sebagai ahli geologi profesional berdaftar di bawah perenggan 20(3)(c) Akta <i>(e)</i> sebagai pengamal berdaftar di bawah subseksyen 21(3) Akta <i>(f)</i> sebagai ahli geologi asing berdaftar di bawah subseksyen 22(1) Akta	Subperaturan 2(2) Subperaturan 2(2) Subperaturan 2(2) Subperaturan 2(2) Subperaturan 2(2) Subperaturan 2(2)	50.00 300.00 300.00 300.00 300.00 1,000.00
3.	Fi pembaharuan perakuan pendaftaran— <i>(a)</i> bagi ahli geologi siswazah berdaftar <i>(b)</i> bagi ahli geologi profesional berdaftar <i>(c)</i> bagi pengamal berdaftar <i>(d)</i> bagi ahli geologi asing berdaftar	Subperaturan 3(2) Subperaturan 3(2) Subperaturan 3(2) Subperaturan 3(2)	50.00 200.00 200.00 1,000.00
4.	Fi kemasukan semula: <i>(a)</i> Pemberitahuan kemasukan semula di bawah subseksyen 35(2) Akta <i>(b)</i> Permohonan kemasukan semula di bawah subseksyen 35(3) dan (4) Akta	Subperaturan 4(1) Subperaturan 4(4)	500.00 500.00
5.	Fi permohonan untuk peperiksaan penilaian profesional	Peraturan 6	200.00

JADUAL KETIGA

[Peraturan 3]

BORANG A

AKTA AHLI GEOLOGI 2008

PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI) 2015  
PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI SISWAZAH BERDAFTAR

No. Perakuan: .....

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

ADALAH DISAHKAN BAHAWA:

Nama: .....

No. Pendaftaran : .....

(Alamat)

.....  
.....  
.....

telah memenuhi kehendak AKTA AHLI GEOLOGI 2008 dan dengan ini didaftarkan sebagai AHLI GEOLOGI SISWAZAH BERDAFTAR.

.....

Pengerusi

.....

Pendaftar

Meterai Lembaga

Perakuan ini luput pada 31 Disember .....

Tarikh dikeluarkan: .....

BORANG B

AKTA AHLI GEOLOGI 2008

PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI) 2015

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI PROFESIONAL BERDAFTAR

No. Perakuan: .....

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

ADALAH DISAHKAN BAHAWA:

Nama: .....

No. Pendaftaran: .....

(Alamat)

.....  
.....  
.....

telah memenuhi kehendak AKTA AHLI GEOLOGI 2008 dan dengan ini didaftarkan sebagai AHLI GEOLOGI PROFESIONAL BERDAFTAR.

.....

Pengerusi

.....

Pendaftar

Meterai Lembaga

Perakuan ini luput pada 31 Disember .....

Tarikh dikeluarkan: .....

BORANG C

AKTA AHLI GEOLOGI 2008

PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI) 2015

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGAMAL BERDAFTAR

No. Perakuan: .....

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

ADALAH DISAHKAN BAHAWA:

Nama: .....

No. Pendaftaran: .....

(Alamat)

.....  
.....  
.....

telah memenuhi kehendak AKTA AHLI GEOLOGI 2008 dan dengan ini didaftarkan sebagai PENGAMAL BERDAFTAR.

.....

Pengerusi

.....

Pendaftar

Meterai Lembaga

Perakuan ini luput pada 31 Disember .....

Tarikh dikeluarkan: .....

BORANG D

AKTA AHLI GEOLOGI 2008

PERATURAN-PERATURAN AHLI GEOLOGI (PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI) 2015

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI GEOLOGI ASING BERDAFTAR

No. Perakuan: .....

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

ADALAH DISAHKAN BAHAWA:

Nama: .....

No. Pendaftaran : .....

(Alamat)

.....  
.....  
.....

telah memenuhi kehendak AKTA AHLI GEOLOGI 2008 dan dengan ini didaftarkan sebagai AHLI GEOLOGI ASING BERDAFTAR.

.....

Pengerusi

.....

Pendaftar

Meterai Lembaga

Perakuan ini luput pada 31 Disember .....

Tarikh dikeluarkan: .....

Dibuat 23 Oktober 2015  
[LAGM/PLG/200/3(17); PN(PU2)674]

DATO' YUNUS BIN ABD. RAZAK  
*Pengerusi Lembaga Ahli Geologi*

Diluluskan 26 Oktober 2015  
[NRE-44/4/1/49; PN(PU2)674]

DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
*Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*

GEOLOGISTS ACT 2008

GEOLOGISTS (REGISTRATION OF GEOLOGISTS) REGULATIONS 2015

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation

PART II

REGISTRATION

2. Application for registration
3. Certificate of registration
4. Reinstatement

PART III

ENTITLEMENT TO BE REGISTERED AS A REGISTERED PROFESSIONAL GEOLOGIST

5. Practical experience
6. Professional assessment examination

PART IV

CODE OF PROFESSIONAL CONDUCT

7. Conduct of registered geologist and registered practitioner
8. Reputation
9. Private practice

PART V  
MISCELLANEOUS

Regulation

10. Register of equivalent qualifications
11. Payment of fee

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

GEOLOGISTS ACT 2008

GEOLOGISTS (REGISTRATION OF GEOLOGISTS) REGULATIONS 2015

IN exercise of the powers conferred by section 50 of the Geologists Act 2008 [Act 689], the Board, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Geologists (Registration of Geologists) Regulations 2015**.

PART II

REGISTRATION

**Application for registration**

2. (1) An application for registration—
  - (a) as a registered graduate geologist under subsection 20(1) of the Act shall be made to the Board in the form as specified in the First Schedule together with the processing fee as specified in the Second Schedule;
  - (b) as a registered professional geologist under paragraphs 20(3)(a) and (b) of the Act shall be made to the Board in the form as specified in the First Schedule together with the processing fee as specified in the Second Schedule;
  - (c) as a registered professional geologist under paragraph 20(3)(c) of the Act shall be made to the Board in the form as specified in the First Schedule together with the processing fee as specified in the Second Schedule;

- (d) as a registered practitioner under subsection 21(3) of the Act shall be made to the Board in the form as specified in the First Schedule together with the processing fee as specified in the Second Schedule; and
- (e) as a registered foreign geologist under subsection 22(1) of the Act shall be made to the Board in the form as specified in the First Schedule together with the processing fee as specified in the Second Schedule.

(2) Where the Board or the Chairman, as the case may be, approves the application referred to in subregulation (1) the applicant shall, within two months from the date of notification of the approval in writing, pay the registration fee as specified in the Second Schedule.

(3) Where the applicant fails to pay the registration fee within the period specified in subregulation (2), the application shall be treated as being withdrawn without affecting the right of the applicant to make a fresh application.

### **Certificate of registration**

3. (1) The certificate of registration—

- (a) as a registered graduate geologist;
- (b) as a registered professional geologist;
- (c) as a registered practitioner; or
- (d) as a registered foreign geologist,

is as set out in the Third Schedule.

(2) Any application to renew the certificate of registration referred to in subregulation (1) shall be made to the Board in the form as specified in the First Schedule together with the fee as specified in the Second Schedule.

### **Reinstatement**

4. (1) A notification for reinstatement under subsection 35(2) of the Act shall be made to the Registrar in the form as specified in the First Schedule together with the fee as specified in the Second Schedule.

(2) An application for reinstatement under subsection 35(3) of the Act shall be made to the Board in the form as specified in the First Schedule.

(3) An application for reinstatement under subsection 35(4) of the Act shall be made to the Board in the form as specified in the First Schedule.

(4) Where the Board approves the application for reinstatement under subsections 35(3) and (4) of the Act, the applicant shall pay the fee for reinstatement as specified in the Second Schedule.

(5) A certificate of registration with a different serial number from the serial number as given previously shall be issued to a registered graduate geologist, a registered professional geologist, a registered practitioner or a registered foreign geologist who have been reinstated pursuant to section 35 of the Act.

## PART III

## ENTITLEMENT TO BE REGISTERED AS A REGISTERED PROFESSIONAL GEOLOGIST

**Practical experience**

5. A registered graduate geologist shall, in order to be entitled to apply for registration as a registered professional geologist, obtain practical experiences as referred to in subsection 20(2) of the Act.

**Professional assessment examination**

6. A registered graduate geologist having the practical experiences referred to in regulation 5 shall, in order to apply to be registered as a registered professional geologist under, submit his application to the Board to sit for the professional assessment examination pursuant to subsection 20(2) of the Act in the form as specified in the First Schedule together with the fee as specified in the Second Schedule.

## PART IV

## CODE OF PROFESSIONAL CONDUCT

**Conduct of registered geologist and registered practitioner**

7. Every registered geologist and registered practitioner shall—

- (a) uphold the dignity, high standing and high reputation of his profession;  
and
- (b) in discharging his responsibilities, have full regard to the public interest and discharge such responsibilities with complete fidelity.

**Reputation**

8. A registered geologist or a registered practitioner shall not, intentionally and maliciously whether directly or indirectly, injure or attempt to injure the professional reputation, prospects or business of another registered geologist or a registered practitioner.

**Private practice**

9. A registered geologist or a registered practitioner in private practice shall not—
- (a) practise geology with any registered geologist or registered practitioner whose registration has been suspended pursuant to section 33 of the Act;
  - (b) supplant or attempt to supplant another registered geologist or registered practitioner in private practice;
  - (c) intervene or attempt to intervene with geological work of any kind that has been entrusted to another registered geologist or registered practitioner in private practice; or
  - (d) take over any work of other registered geologist or registered practitioner in private practice who is acting for the same client unless consent by other registered geologist or registered practitioner has been obtained.

PART V  
MISCELLANEOUS

**Register of equivalent qualifications**

10. (1) The Board shall keep and maintain a register of equivalent qualifications containing a list of qualifications that the Board considers to be equivalent to a degree in geology pursuant to paragraph 20(3)(c) of the Act.

- (2) The Board may, in its discretion, invite the Institute of Geology Malaysia—
- (a) to conduct a review in relation to equivalent qualifications on its behalf; and
  - (b) to make recommendations to the Board, based on the review conducted under paragraph (a), as to the equivalence of such qualifications.

**Payment of fee**

11. The fees referred to in these Regulations shall be paid to the Board in accordance with the following manners:

- (a) by cash at the registered office of the Board;
- (b) by money order, bank draft or cheque in the name of the Board; or
- (c) online payment.

FIRST SCHEDULE  
APPLICATION FORMS

No.	Form	Descriptions	Regulation
1.	Form A	An application for registration as a registered graduate geologist.	Paragraph 2(1)(a)
2.	Form B	An application for registration as a registered professional geologist.	Paragraph 2(1)(b)
3.	Form C	An application for registration as a registered professional geologist.	Paragraph 2(1)(c)
4.	Form D	An application for registration as a registered practitioner.	Paragraph 2(1)(d)
5.	Form E	An application for registration as a registered foreign geologist.	Paragraph 2(1)(e)
6.	Form F	An application for renewal of certificate of registration.	Subregulation 3(2)
7.	Form G	Notification of reinstatement.	Subregulation 4(1)
8.	Form H	Application for reinstatement.	Subregulation 4(2)
9.	Form I	Application for reinstatement.	Subregulation 4(3)
10.	Form J	Application to sit for professional assessment examination.	Regulation 6

## SECOND SCHEDULE

## FEE

No.	Descriptions	Regulation	Fee (RM)
1.	Processing fee for every application for registration	Subregulation 2(1)	50.00
2.	Registration fee—  <i>(a)</i> as a registered graduate geologist under subsection 20(1) of the Act  <i>(b)</i> as a registered professional geologist under paragraph 20(3)(a) of the Act  <i>(c)</i> as a registered professional geologist under paragraph 20(3)(b) of the Act  <i>(d)</i> as a registered professional geologist under paragraph 20(3)(c) of the Act  <i>(e)</i> as a registered practitioner under subsection 21(3) of the Act  <i>(f)</i> as a registered foreign geologist subsection 22(1) of the Act	Subregulation 2(2)  Subregulation 2(2)  Subregulation 2(2)  Subregulation 2(2)  Subregulation 2(2)  Subregulation 2(2)	50.00  300.00  300.00  300.00  300.00  1,000.00
3.	Fee for renewal of certificate of registration—  <i>(a)</i> for a registered graduate geologist  <i>(b)</i> for a registered professional geologist  <i>(c)</i> for a registered practitioner  <i>(d)</i> for a registered foreign geologist	Subregulation 3(2)  Subregulation 3(2)  Subregulation 3(2)  Subregulation 3(2)	50.00  200.00  200.00  1,000.00
4.	Fee for reinstatement:  <i>(a)</i> Notification for reinstatement under subsection 35(2) of the Act  <i>(b)</i> Application for reinstatement under subsections 35(3) and (4) of the Act	Subregulation 4(1)  Subregulation 4(4)	500.00  500.00
5.	Application fee for professional assessment examination	Regulation 6	200.00

THIRD SCHEDULE

[Regulation 3]

FORM A

GEOLOGISTS ACT 2008

GEOLOGISTS (REGISTRATION OF GEOLOGISTS) REGULATIONS 2015

CERTIFICATE OF REGISTRATION AS A REGISTERED GRADUATE GEOLOGIST

Certificate no.: .....

BOARD OF GEOLOGISTS MALAYSIA

THIS IS TO CERTIFY THAT:

Name:.....

Registration No.: .....

(Address)

.....  
.....  
.....

having complied with the requirements of the GEOLOGISTS ACT 2008 and hereby registered as the REGISTERED GRADUATE GEOLOGIST.

.....  
Chairman

.....  
Registrar

Common seal of the Board

This Certificate expires on 31 December .....

Date issued: .....

FORM B

GEOLOGISTS ACT 2008

GEOLOGISTS (REGISTRATION OF GEOLOGISTS) REGULATIONS 2015

CERTIFICATE OF REGISTRATION AS A REGISTERED PROFESSIONAL GEOLOGIST

Certificate no.: .....

BOARD OF GEOLOGISTS MALAYSIA

THIS IS TO CERTIFY THAT:

Name:.....

Registration No.: .....

(Address)

.....  
.....  
.....

having complied with the requirements of the GEOLOGISTS ACT 2008 and hereby registered as the REGISTERED PROFESSIONAL GEOLOGIST.

.....

Chairman

.....

Registrar

Common seal of the Board

This Certificate expires on 31 December .....

Date issued: .....

FORM C

GEOLOGISTS ACT 2008

GEOLOGISTS (REGISTRATION OF GEOLOGISTS) REGULATIONS 2015

CERTIFICATE OF REGISTRATION AS A REGISTERED PRACTITIONER

Certificate no.: .....

BOARD OF GEOLOGISTS MALAYSIA

THIS IS TO CERTIFY THAT:

Name:.....

Registration No.: .....

(Address)

.....  
.....  
.....

having complied with the requirements of the GEOLOGISTS ACT 2008 and hereby registered as the REGISTERED PRACTITIONER.

.....

Chairman

.....

Registrar

Common seal of the Board

This Certificate expires on 31 December .....

Date issued: .....

FORM D

GEOLOGISTS ACT 2008

GEOLOGISTS (REGISTRATION OF GEOLOGISTS) REGULATIONS 2015

CERTIFICATE OF REGISTRATION AS A REGISTERED FOREIGN GEOLOGIST

Certificate no.: .....

BOARD OF GEOLOGISTS MALAYSIA

THIS IS TO CERTIFY THAT:

Name:.....

Registration No.: .....

(Address)

.....  
.....  
.....

having complied with the requirements of the GEOLOGISTS ACT 2008 and hereby registered as the REGISTERED FOREIGN GEOLOGIST.

.....

Chairman

.....

Registrar

Common seal of the Board

This Certificate expires on 31 December .....

Date issued: .....

Made 23 October 2015  
[LAGM/PLG/200/3(17); PN(PU2)674]

DATO' YUNUS BIN ABD. RAZAK  
*Chairman of the Board of Geologists*

Approved 26 October 2015  
[NRE-44/4/1/49; PN(PU2)674]

DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
*Minister of Natural Resources and Environment*